



KEBERKESANAN PILIHANRAYA DIGITAL SEBAGAI ALTERNATIF PENGISYTIHARAN DARURAT DI MALAYSIA

Muhammad Anwar Fahmi Hari Das bin Abdullah

Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA(UiTM), Melaka, Malaysia.

mafagreatglobal@gmail.com

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perkaitan keberkesanan pilihan raya digital sebagai alternatif pengisytiharan darurat di Malaysia, khususnya ketika perintah Kawalan Pergerakan(PKP) dilaksanakan. Terdapat tiga objektif kajian untuk dicapai. Pertama, adakah keberkesanan pilihan raya digital mampu mengelakkan pengisytiharan darurat oleh YDPA.Kedua, apakah tahap persediaan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia(SPR) terhadap saranan melaksanakan Pilihan Raya secara digital di Malaysia.Ketiga, apakah implikasi pengisytiharan darurat terhadap sistem pilihan raya umum. Penyelidikan ini melibatkan method kualitatif. Pendekatan penyelidikan Braun dan Clarke (2006) untuk analisis enam langkah pengukuhan tema, telah digunakan untuk, analisa transkrip para informan(thematic Analysis). Seramai empat orang sarjana mahupun pensyarah kanan yang memiliki PhD dari kalangan pensyarah Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media(FKPM) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, telah ditemubual. Dapatkan kajian mendapati majoriti informan bersetuju SPR wajar melaksanakan pilihan raya secara *online*. SPR juga dilihat kurang bersiap siaga untuk melaksanakan pilihan raya di atas talian, disebabkan pelbagai halangan seperti isu sistem,teknologi, peruntukan dan juga penerimaan pengundi akar umbi.Dari aspek implikasi pengisytiharan darurat, dilihat amat memberikan tekanan kepada rakyat, menggugat ekonomi negara serta, khidmat nasihat yang diberikan kepada YDPA dan Istana, oleh badan penasihat khas wajar bertindak berkecuali dan profesional.Penyelidikan ini diharapkan dapat membantu pihak Istana Negara dan juga SPR, hatta kerajaan mencari alternatif terbaik untuk mengelakkan pengisytiharan darurat ketika penularan ancaman Covid -19 pada masa hadapan.

Kata Kunci: Keberkesanan, Pilihan Raya Digital, Pengisytiharan Darurat, Malaysia.

1. Pengenalan

Perkembangan ancaman pandemik Covid-19 yang bermula pada tahun 2018 di Malaysia secara memberikan kesan yang besar kepada rakyat dan juga kepimpinan Negara. Tempias ini juga turut dirasai oleh kebanyakan negara lain di luar negara, lantaran daripada itu suatu aliran kehidupan ‘norma baharu” telah dipraktikkan dikalangan masyarakat dunia, termasuklah di Malaysia. Dunia dan Malaysia digegarkan dengan suatu ancaman pandemik yang tidak pernah dilalui sebelum ini. Pelbagai sektor dan juga lapangan, hatta sistem kehidupan dan perhubungan manusia terjejas. Ancaman ini turut melibatkan hubungan antara manusia di dalam dan luar negara, hubungan antara kerajaan, industri pelancongan, ekonomi serta mata pencarian isi rumah turut terjejas di samping pendapatan negara turut merudum dan terkesan teruk.

Keadaan ini turut mengugat perlaksanaan Pilihanraya Umum mahupun pilihanraya kecil diadakan dimananya negara, yang telah cukup tempoh penggal parlimen hatta dewan rakyat mahupun dewan negara dibubarkan. Malaysia di antara negara yang pernah melalui pelbagai ujian getir, untuk melaksanakan pilihanraya secara *online*, ketika negara berhadapan dengan ancaman Covid-19. Namun demikian proses perlaksanaan pilihanraya tetap dilaksanakan dibeberapa negara seperti Amerika, Singapura mahupun Itali, ketika kes Covid-19 masih tinggi dinegara berkaitan. Malaysia juga pernah menyantuni tindakan membenarkan Pilihanraya Dewan Undangan Negara (DUN) diadakan. DUN Sabah, Melaka, Sarawak dan juga Johor telah melalui fasa pilihanraya peringkat DUN, ketika negara berhadapan dengan ancaman Covid-19.

Perkembangan teknologi komunikasi merujuk perkembangan pesat komunikasi global.ledakan komunikasi berfungsi sebagai agen penyebaran maklumat samada melalui media cetak, media elektronik dan juga sebagai media digital.Menurut Akmal dan Salman (1), perhubungan internet menerusi media baharu seperti blog, Facebook, Twitter, dan Youtube kian memberikan kebebasan terhadap individu serta komuniti, untuk berkongsi hatta memberikan pendapat tanpa sebarang sekatan, justeru semua pihak bebas untuk menghantar mesej dan juga pandangan mereka secara berterusan. Keadaan ini menunjukkan media baharu mahupun internet merupakan nadi utama sebagai



percambahan industri 4.0 mahupun 5.0, untuk mengantikan sistem dan amalan tradisional khususnya, merujuk perlaksanaan sistem pilihanraya *online* mahupun digital di Malaysia.

Kebanyakan Negara termasuklah Malaysia amat aktif menuruti arahan daripada badan antarbangsa seperti WHO, khususnya di dalam mematuhi saranan dan juga SOP yang dikeluarkan secara setara, berterusan dan konsisten oleh badan tersebut terhadap komuniti dunia agar ancaman pandemik Covid-19, mampu ditangani secara sebaik mungkin, dan masyarakat dunia termasuklah di Malaysia mampu menikmati kehidupan sehari-hari seperti sedia kala. Kebanyakan negara di dunia melalui kepimpinan Kerajaan masing-masing, pada awal tahun 2018 telah mempraktikkan arahan separa *lockdown* dan juga *total lockdown* untuk kes peningkatan Covid-19 yang tidak terkawal di sebahagian besar daripada negara di dunia.

Pendekatan pengisytiharaan proklamasi darurat oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 1 Ogos 2021, adalah merupakan cabaran yang tidak pernah dilauui oleh rakyat Malaysia khususnya ketika berhadapan dengan pelbagai isu kemerosotan ekonomi, nilai mata wang negara yang terus merudum, ramai individu yang hilang pekerjaan, kematian akibat ancaman Covid-19 kian meningkat, dari hari ke hari. Justeru melalui pengisytiharaan berkaitan, Ordinan Darurat dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, yang memperuntukan kuasa-kuasa perlu untuk mengekang dan menghalang daripada berlakunya penularan ancaman *coronavirus* yakni Covid-19 dengan lebih serius di Malaysia.

Di Malaysia Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (MKN) dan juga pelbagai agensi lain termasuk barisan hadapan (*frontliners*), telah mencari pelbagai alternatif dan solusi untuk memastikan Malaysia mampu keluar daripada ancaman Covid-19 dan Malaysia mampu menikmati kehidupan dan juga suasana pembangunan ekonomi, yang mampan dan terjamin seperti sebelum berhadapan dengan ancaman pandemik Covid-19. Namun demikian kemunculan Covid-19 ini bukan sahaja menggugat sistem kehidupan sosial masyarakat, menggugat pendapatan isi rumah, merencatkan pembangunan ekonomi negara, menganggu urusan rentasi daerah, dan juga negeri malahan turut membantutkan agenda menyuburkan proses Pilihan Raya Negeri, mahupun Negara secara lebih berdemokrasi yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan Persekutuan dibawa kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin mantan Perdana Menteri ke 8 telah berhadapan dengan laluan sukar, bersama rakyat di Sabah dan juga Malaysia secara amnya disebabkan Pilihanraya Negeri Sabah terpaksa diadakan disebabkan, YB Datuk Seri Panglima Haji Safee Bin Haji Afdal hilang sokongan majoriti Dewan Undangan Negeri (DUN). Kepimpinan Ketua Menteri pada ketika itu, di negeri Sabah telah mencadangkan kepada Tun Juhar Mahiruddin selaku Tuan Yang Terutama (TYT) Sabah, agar DUN Sabah dibubarkan untuk memberikan laluan kepada PRN ke 15 dengan segera, sebagai pilihan terbaik untuk menangani kemelut perebutan dan percaturan politik di Negeri itu yang dilihat kian membara dan tidak terkawal. Pada 30 Julai 2020, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) mengumumkan telah menerima pemakluman rasmi pembubaran DUN Sabah daripada speaker Dewan Undangan Negeri Sabah.

Keputusan SPR adalah pada 26 September 2020 Pilihanraya Sabah wajar dilaksanakan. Justeru itu, Timbalan Pengurus SPR, Dr Azmi Sharom, menjelaskan penamaan calon ditetapkan pada 12 September, manakala pengundian awal adalah pada 22 September 2020. Kesan daripada mengadakan PRN Sabah, kes peningkatan Covid-19 telah meningkat dengan ketara, bukan sahaja di negeri Sabah malahan di Semenanjung. Kegagalan untuk mengikuti dan mematuhi SOP dan larangan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM serta agensi berkuasa tempatan, disertai penglibatan di dalam skala besar lawatan pemimpin Kerajaan dan Pembangkang serta perayu undi daripada Semenanjung ke Sabah, yang kerap merentasi daerah dan negeri telah menyebabkan kes jangkitan Covid-19 di Sabah dan Semenanjung telah meningkat.

Keadaan ini turut menyebabkan peningkatan kes kematian di kalangan rakyat Negeri Sabah dan juga Semenanjung. Kerajaan dan pihak KKM, MKN, para pemimpin dan juga rakyat akar umbi telah menerima kesan daripada kecuaian dan juga kelalaian memberikan jalan mudah kepada perjalanan proses PRN Sabah tanpa berfikir secara kritikal, analitik dan mencari alternatif lain, daripada pengundian secara bersemuka mahupun tradisional. Lantaran daripada pengalaman pahit yang dipelajari oleh Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Persekutuan, makanya Pilihanraya Negeri Sarawak pula ditangguhkan melalui pengisytiharan darurat oleh Yang Dipertuan Agong, setelah memperolehi nasihat YAB mantan Perdana Menteri ke 8. Pengisytiharan darurat merujuk perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, yang diperkenan oleh YDPA telah menyebabkan Sarawak tidak boleh melaksanakan PRN Sarawak sehingga 2 Februari 2022.

Namun Kerajaan Negeri Sarawak dipimpin oleh kepimpinan Kerajaan Sementara mahupun “*caretaker*”. Merujuk kepada Konvensyen dan amalan sistem demokrasi berparlimen di kalangan negara komanwel, pendekatan Kerajaan Sementara mahupun *caretaker* adalah untuk memimpin dan menjalankan tugas pentadbiran yang sangat minimum, sebelum menyerahkan tampuk kepimpinan dan kuasa kepada Kerajaan baharu, yang bakal dipilih melalui Pilihanraya Negeri mahupun Persekutuan pada suatu masa yang sesuai. Justeru itu, Kerajaan *caretaker* ini tidak memiliki kuasa dan merit untuk meluluskan peruntukan kewangan yang besar, meluluskan dasar dan juga pelbagai urusan yang penting termasuklah menarik pelabur, merancang pembangunan ekonomi, yang mampan atau



memaksimumkan kedudukan ADUN mahupun Ahli Parlimen, disebabkan statusnya hanyalah sebagai Kerajaan *caretaker*.

Negara dikejutkan lagi dengan pertukaran kepimpinan Kerajaan Pusat, berikut daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin hilang majoriti mudah di Parlimen. Keadaan ini telah menyebabkan YDPA memanggil persidangan Raja-Raja Melayu, untuk membuat keputusan khususnya berkaitan pendekatan terbaik untuk memilih dan melantik Kerajaan baharu atau membuat keputusan agar Parlimen dibubarkan untuk PRU15 diadakan segera. Keputusan daripada persidangan Raja-Raja Melayu di Istana Negara telah memuktamadkan bahawa, tidak ada keperluan untuk mengadakan PRU15, khususnya dikala negara berhadapan dengan ancaman pandemik covid-19. Istana Negara telah bersetuju memilih YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri ke 9, dengan bukti sokongan Ahli Parlimen seramai 115 orang. Undi majoriti ini lebih tinggi daripada sokongan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim yang hanya memiliki 105 sokongan daripada ahli parlimen pada ketika itu.

Isu pembubaran DUN dan Parlimen tidak terhenti begitu sahaja, sebaliknya pergolakan politik dan kesukaran mengekalkan kestabilan politik di Kerajaan Persekutuan, turut berjangkit dan menggugat kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka. Pada 15 Oktober 2021 seramai empat orang ADUN BN-PH telah nekad menarik sokongan terhadap YAB Datuk Seri Sulaiman Md Ali selaku Ketua Menteri Melaka. Keadaan ini telah menyebabkan Ketua Menteri yang memiliki 13 sokongan Ahli DUN telah menghadap TYT Melaka, melalui persetujuan Speaker Dewan Negeri Melaka, untuk mencadangkan pembubaran DUN Negeri Melaka, dengan harapan suatu proses pengundian dan PRN Melaka ke 15, dapat diadakan segera. Keadaan menjadi lebih tidak menentu tatkala TYT Melaka melalui kuasa yang dimiliki sebagai Ketua Negeri, merujuk Fasal 4, Perkara 18 Undang-Undang Tubuh Melaka, mahupun Perlembagaan Negeri Melaka telah bersetuju memberikan laluan kepada pembubaran DUN dan PRU15 diadakan di Melaka.

Namun demikian, Pakatan Harapan (PH) dan 4 orang ADUN yang menarik sokongan terhadap Ketua Menteri Melaka menyatakan mereka miliki kerusi majoriti mudah sebanyak 15 kerusi melebihi 2 kerusi yang dimiliki oleh Kerajaan yang sedia ada, di bawah kepimpinan YAB Sulaiman Md Ali (BN-PN) di Negeri Melaka. PH juga telah membawa kes pembubaran DUN ke Mahkamah untuk dicabar dan melihat keabsahan Kerajaan *caretaker* YAB Sulaiman Md Ali, dan juga proses serta pematuhan akta sepanjang persetujuan DUN dibubarkan, disebabkan Tun Mohd Ali Bin Rustam selaku TYT Melaka, tidak memberikan ruang dan peluang untuk kelulusan permohonan mengadap 13 ADUN pembangkang yang nekad mencadangkan agar, tidak perlu diadakan PRU-15 di Melaka, sebaliknya cukup sekadar pertukaran Kerajaan Negeri yang baharu berdasarkan sokongan majoriti DUN yang dimiliki.

Konflik dan percaturan politik hatta pembubaran DUN secara mengejut telah mendapat perhatian pelbagai pihak termasuklah para pemimpin Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Istana Negara, MKN, KKM, SPR dan juga dibahaskan secara berterusan di kalangan pelbagai media perdana, mahupun media sosial di negara ini. Perdebatan dan juga hujah dibahaskan secara berterusan melalui pandangan peguam, penganalisis politik dan juga sarjana di negara ini. Diantara isu utama dan persoalan yang diperhangatkan adalah, adakah keputusan YDPA akan memuktamadkan tidak wajar di adakan PRN Melaka, sebaliknya YDPA mengistiharkan darurat sepertimana merujuk kes di Negeri Sarawak, mahupun mesyuarat diantara SPR, MKN dan KKM akan juga turut mempengaruhi keputusan PRN Melaka, agar Pilihan Raya dijalankan namun dengan SOP yang sangat ketat.

Pilihanraya boleh dilaksanakan melalui kaedah *e-voting*, *online* mahupun digital sekiranya negara berhadapan dengan pelbagai isu seperti jangkitan penyakit berjangkit kritikal, justeru pengisytiharaan proklamasi darurat dapatlah ditangani disebabkan SPR dan kepimpinan negara memiliki minda kelas pertama, setelah menerajui hatta membangunkan teknologi digital sebagai alternatif kepada proses pengundi di negara ini. Menurut Siti Ezaleila dan Azizah Hamzah (15), ledakan media baru boleh diterjemahkan sebagai “media baharu yang baharu” hasil daripada perkembangan rangkaian komunikasi serta gabungan teknologi komputer hatta maklumat. Perkembangan proses serta aplikasi online ini dilihat sebagai mengantikan media lama atau media tradisional seperti emel dan juga laman web.

Namun di antara alternatif yang sedia ada khususnya ketika melihat kebarangkalian untuk meneruskan PRN Melaka ke 15, adalah merujuk perlaksanaan PRN secara digital mahupun *online* yang dilaksanakan oleh Negara maju yang lain seperti, Singapura, Amerika Syarikat, Korea Selatan dan sebagainya. Kebanyakan Negara berkaitan mengamalkan SOP yang sangat ketat dan juga tidak dibenarkan perhimpunan, atau kempen politik secara terbuka. Calon parti politik dibenarkan berkempen di alam maya dan secara terkawal, manakala proses pengundian secara digital dilaksanakan. Hasil perjalanan pilihan raya secara digital telah mampu mengawal ancaman penularan peningkatan kes Covid-19 di negara terbabit. Namun mengapa di Malaysia Kerajaan dan juga SPR, tidak mahu berusaha ke arah Pilihanraya *online* mahupun digital yang telah dicadangkan oleh pelbagai pihak mulai tahun 2018, agar Kerajaan dan SPR segera merangka pelbagai usaha ke arah PRU-15 , PRN mahupun Pilihanraya Kecil diadakan secara digital di negara ini.

Kejadian pembubaran DUN Negeri Johor telah diumumkan pada 22 Januari 2022. DYMM Sultan Johor Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah berkenan menandatangani watikah pembubaran Dewan Negeri Johor (DUN), untuk memberikan laluan kepada Pilihan Raya Negeri (PRN). Justeru Fasa 23 Bahagian kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, bahawa Dewan Negeri Johor Darul Ta'zim yang ke -14 termansuh pada 22



Januari 2022. BN telah berjaya membentuk kerajaan Negeri Johor setelah memperolehi majoriti mudah dua pertiga, setelah memenangi 40 daripada 56 kerusi DUN yang dipertandingkan. PH mempertahankan 13 kerusi manakala PN pula telah memenangi 3 kerusi. Namun perjalanan pilihanraya DUN Melaka, Sarawak dan Johor tidak memperlihatkan sebarang peningkatan kes Covid-19, seperti yang pernah berlaku ketika Pilihanraya Negeri Sabah diadakan.

Disamping itu, Kerajaan melalui MKN dan juga KKM amat serius mengarahkan rakyat dan pelbagai sektor di negara ini termasuklah KPT, dan KPM agar menjalankan pendekatan norma baharu seperti pembelajaran dan pengajaran (PnP) secara *virtual*, ODL mahupun melalui aplikasi *google meet*, mahupun zoom. Di sinilah timbul persoalan, mengapa tidak ada usaha langsung daripada pihak kerajaan untuk bekerjasama dengan SPR merangka pelan terkini, di dalam menangani krisis Perlembagaan dan Pilihanraya secara digital dan juga *online* daripada hanya berpaut kepada pengisyntiaran darurat. Kesan darurat bukan sahaja menyukarkan pelbagai pihak serta menghadkan kuasa kepimpinan Kerajaan Pusat mahupun Negeri, malahan turut mengugat pembangunan ekonomi dan juga pelaburan.

Di dalam masa yang sama jika kes Covid-19 masih tidak mampu ditangani dengan baik, apakah lagi pendekatan yang ada untuk Istana, TYT hatta Kerajaan gunakan untuk mengekang perjalanan PRU atau PRN, dijalankan secara lebih profesional dan terkawal khususnya melalui pendekatan norma baharu. Disamping itu pencapaian imun kelompok hampir 91% di Melaka, dan juga peralihan pendekatan pandemik kepada fasa endemik, tidak wajar diabaikan oleh kepimpinan SPR dan juga Istana setelah memperolehi khidmat nasihat daripada pihak sarjana mahupun badan khas yang diberikan mandat untuk mempersempahkan pandangan mereka kepada DYMM Tuanku Sultan dan Raja-Raja Melayu. Negara untuk melihat kepada perjalanan Pilihanraya Negeri, mahupun Pusat secara digital pada masa hadapan.

2. Metodologi

Metodologi penyelidikan ini dijalankan melalui pendekatan kualitatif. Pendekatan secara kualitatif, melibatkan empat orang informan, akan ditemui bual secara tidak berstruktur. Informan berkaitan terdiri dari kalangan seorang wanita dan tiga lelaki. Temubual akan dijalankan secara deduktif melalui proses pengekodan, merujuk transkrip persoalan, yang dijawab oleh informan yang akan disertai dengan pemerhatian tema persoalan dan juga perkongsian, dalam kalangan para informan yang ditemui bual secara konsisten.

Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan empat orang informan yang bertugas sebagai pensyarah akademik dan juga sarjana di Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media (FKPM) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka. Latarbelakang informan turut melibatkan mereka yang terdedah dengan pelbagai isu semasa, khususnya kepimpinan dan politik. Purata usia kesemua informan adalah diantara 35 – 42 tahun. Latar belakang dan kepakaran serta bidang tujuan, yang bersifat profesional serta mencakupi pelbagai demografi dan juga status, telah melancarkan prosedur mengutip data, secara penyelidikan kualitatif.

Jadual 1: Data Bilangan Informan secara penyelidikan Kualitatif

| Bil | Taraf Pendidikan | Jantina | Bilangan Informan |
|-----|------------------|---------|-------------------|
| 1 | PhD | Wanita | 1 |
| 2 | PhD | Lelaki | 3 |

Populasi Dan Persampelan

Kata kunci populasi merujuk kepada sekumpulan individu yang memiliki ciri-ciri yang sama dan terlibat secara langsung terhadap agenda penyelesaian masalah. Mohd. Majid Konting (2009), juga memperjelaskan keseragaman dan ketepatan serta sifat dan ciri yang sama mampu diterap dan diukur untuk mendapatkan jawapan kepada setiap persoalan yang wujud di dalam populasi yang dikaji. Merujuk Aruikunto (2002), populasi merujuk objek yang dimanfaatkan untuk tujuan penelitian, maka itu apabila penyelidik ingin melihat pelbagai aspek dan sudut kajian, peranan dan keterlibatan populasi amatlah diberikan penekanan yang serius. Justeru itu, Ismiyanto (2009), memperincikan maksud



populasi adalah meliputi keseluruhan sudut penelitian termasuk objek, orang yang berkaitan yang mampu dijadikan sebagai sandaran jawapan mahupun hasil dapatan yang mampan dan kredibel.

Pernerangan berkaitan populasi dan juga pensampelan turut dibincangkan oleh Nursalam (2003). Sarjana berkaitan menjelaskan bahawa populasi pensampelan merupakan keseluruhan pemboleh ubah penting yang bakal menjadi penumpuan dan juga pemfokusan utama kajian. Sementara itu, Babbie (2017) menjelaskan populasi merujuk penyelidikan kumpulan manusia berdasarkan permasalahan kajian yang mampu membantu penyelidik, membuat kesimpulan terhadap kajian mahupun penyelidikan yang nekad dilaksanakan secara tuntas dan kredibel serta berterusan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian mahupun penyelidikan dilaksanakan berbentuk kuantitatif dan deskriptif. Borang soal selidik direka bentuk secara kredibel untuk mengutip data kajian berikut. Borang soal selidik yang digunakan memiliki dua bahagian yang utama iaitu Bahagian A memberikan pertimbangan untuk mengutip maklumat berkaitan demografi responden. Di samping itu, bahagian B terdiri daripada 3 item mahupun soalan digunakan, untuk menganalisis persoalan I. Mengkaji keberkesanan pilihan raya digital mampu mengelakkan pengisytiharan darurat oleh YDPA
II. Menilai persediaan SPR terhadap saranan melaksanakan Pilihan Raya secara digital di Malaysia
III. Mengkaji implikasi pengisytiharan darurat terhadap sistem Pilihanraya di Malaysia

Kaedah Pengukuran Dan Instrumen Kajian

Merujuk penyelidikan kualitatif 90angka analisis tema (*thematic Analysis*) akan diterapkan. Pendekatan rumusan tema akan dihasilkan setelah meneliti hasil transkrip para informan. Pendekatan sarjana Braun dan Clarke (2006) akan digunakan untuk mengkaji pendekatan analisis secara tema. Hampir empat 90angkah digariskan sebagai panduan untuk menjalankan 90angka ini. Langkah pertama adalah memulakan proses temu bual terhadap informan dan mengumpul data. Langkah kedua menjana kod melalui pemerhatian dan catatan transkrip para informan. Langkah ketiga penggabungan kod akan dilakukan sehingga terhasilnya tema. Langkah ke empat adalah proses penyamaan tema dilakukan secara lebih rapi dan terperinci. Langkah kelima mendefinisikan dan menamakan tema secara kukuh dan 90angkah terakhir iaitu ke enam, adalah menghasilkan laporan untuk pembentangan dan rujukan ilmiah untuk pemerhatian dan perkongsian umum.

3. Dapatan Kajian

Latar belakang Responden

Jadual 2 : Rakaman percakapan dan temu bual bersama informan.

| | |
|------------------------|--------|
| Nama samaran /Informan | Dr Pan |
| Jantina | Wanita |
| Usia | 51 |
| Bangsa | Cina |
| Negeri | Melaka |

| | |
|------------------------|----------|
| Nama samaran /Informan | Dr Izy |
| Jantina | Wanita |
| Usia | 36 |
| Bangsa | Melayu |
| Negeri | Kelantan |

| | |
|------------------------|--------|
| Nama samaran /Informan | Dr Raf |
| Jantina | Lelaki |
| Usia | 38 |
| Bangsa | Melayu |



| | |
|--------|--------|
| Negeri | Melaka |
|--------|--------|

| | |
|------------------------|--------------|
| Nama samaran /Informan | Dr Hafi |
| Jantina | Lelaki |
| Usia | 38 |
| Bangsa | Melayu |
| Negeri | Pulau Pinang |

Transkrip Informan:

Objektif Kajian 1:

Mengkaji keberkesanan pilihan raya digital mampu mengelakkan pengisytiharan darurat oleh YDPA

Jadual 3: Adakah anda pernah mendengar pilihanraya secara online?

| | |
|-----------------------|--|
| Informan 1 Dr Pan | Pernah dengar sama dengan PKR <i>election</i> yang sama, masa pandemik itu ramai guna <i>online</i> |
| Informan 2 Dr Izzy | <i>Online election</i> macam saya tak pasti, mungkin adalah |
| Informan 3 Dr Raf | Belum pernah tapi peringkat universiti adalah, MPP pilih EXCO mereka, peringkat negara belum pernah dengar |
| Informan 4 Dr Hafi | Pilihanraya <i>online</i> pernah dijalankan di negara maju, sistem luar negara mereka undi atas talian |

Jadual 4: Apakah pula ulasan anda berkaitan negara yang kerap melaksanakan pilihanraya secara online?

| | |
|-------------------------|---|
| Informan 1 Dr Pang | Actually I tak ikut sangatlah, I tak <i>follow</i> apa masalah, pilihanraya PKR ada banyak masalah, tapi <i>overseas</i> tak ada masalah , tapi PKR tu banyak masalah, <i>this issues must be the consent</i> |
| Informan 2 Dr Izzy | Kalau buat <i>election</i> , dibuat secara kita tak pasti ketelusan, data boleh di <i>manipulate</i> , sejauh mana undian adalah tepat |
| Informan 3 Dr Rauf | Saya sangat bersetuju dibuat secara <i>online</i> tak lah menyusahkan <i>voters</i> tidak lah perlu balik kampung, banyaklah kelebihan |
| Informan 4 Dr Hafifi | Pada pandangan saya benda yang baik rakyat pilih secara <i>online</i> , lagipun tokoh politik yang tidak kompeten akan dijatuhkan oleh rakyat dengan mudah |

Jadual 5: Apakah pandangan anda berkaitan cadangan pilihanraya online dilaksanakan di Malaysia?

| | |
|-------------------------|--|
| Informan 1 Dr Pang | <i>Online election is good, the thing is are we ready now</i> , kelemahanlah ini general <i>election</i> , semua benda perlu diambil kira, jika ada sistem yang baik tak ada masalah |
| Informan 2 Dr Izzy | Kalau pihak kerajaan boleh yakinkan rakyat, dia orang boleh buktikan ada <i>support</i> dari <i>government</i> , <i>online</i> ni mesti telus perlu buktikan, <i>online</i> memang orang boleh <i>hack</i> , macam tu JPN data orang awam disebarluaskan |
| Informan 3 Dr Rauf | Banyak negara maju dah buat kita patut ikut, lihat kepada negara lain buat berjaya kita buat, jika tidak ada kebaikan jangan ikut, seperti Singapura kita buat, jika tidak kita jangan membanta tuli |
| Informan 4 Dr Hafifi | Saya setuju secara amnya, tapi saya nak pastikan sistem yang nak digunakan, dari segi admin siapa, ada berlaku pencerobohan dalam kes tertentu, kita uji dan buat <i>pilot test</i> dulu |

Analisis Transkrip perbualan informan mengikut pendekatan tema mahupun *coding*

Objektif Kajian 1:

Mengkaji keberkesanan pilihan raya digital mampu mengelakkan pengisytiharan darurat oleh YDPA

Jadual 6: Adakah anda pernah mendengar pilihanraya secara online?

| Soalan 1.1 | Informan | Trasnkip |
|---|----------|---|
| Adakah anda pernah mendengar pilihanraya secara | 1 | Pernah dengar sama dengan PKR election yang sama, masa pandemik itu ramai guna <i>online</i> |



| | | |
|----------------|---|--|
| <i>online?</i> | | |
| sda | 2 | Online election macam saya tak pasti, mungkin adalah |
| sda | 3 | Belum pernah tapi peringkat universiti adalah, MPP pilih EXCO mereka, peringkat negara belum pernah dengar |
| sda | 4 | Pilihanraya online pernah dijalankan di negara maju, sistem luar negara mereka undi atas talian |

| Soalan 1.1 | Tema | Kod | Informan |
|---|-----------------------------|-----|----------|
| Adakah anda pernah mendengar pilihanraya secara <i>online</i> ? | <i>PKR election</i> | 1 | 1 |
| | <i>MPP pilih exco</i> | 1 | 3 |
| | <i>Peringkat Universiti</i> | 1 | 3 |
| | <i>Negara maju</i> | 1 | 4 |
| | <i>Guna online</i> | 1 | 1,2,4 |
| | <i>Undi atas talian</i> | 1 | 4 |

Hasil dapatan objektif pertama (1)

Rumusan persoalan 1 ;

Adakah anda pernah mendengar pilihanraya secara *online*?

Hasil dapatan jawapan mengikut tema dan *coding* para informan adalah:

Merujuk kepada hasil penyelidikan dan jawaban informan berkaitan pilihanraya secara *online*. Majoriti informan khususnya di kalangan pensyarah yang milik PhD menjelaskan mereka makluman dan pernah memantau atau melihat perjalanan Pilihanraya secara *online* di dalam atau luar negara.

Analisis Transkrip perbualan informan mengikut pendekatan tema mahupun *coding*

Objektif Kajian 1:

